



TARIKH	SELASA, 17 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	AMARAN CUACA WASPADA PERINGKAT JINGGA DI 4 NEGERI
M/S	12
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	MET MALAYSIA

Amaran cuaca waspada peringkat jingga di 4 negeri

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam, mengeluarkan amaran cuaca waspada peringkat jingga, iaitu hujan lebat di beberapa daerah di Johor, Pahang dan Terengganu sehingga hari ini, manakala amaran sama di Sabah sehingga esok.

Hujan lebat dijangka melanda daerah Segamat, Kuala, Mersing, Kulai, dan Kota Tinggi di Johor; manakala Pahang di Jerantut, Marang, Kuantan, Bera; dan Rompin serta Dungun dan Kemaman di Terengganu.

Hujan lebat Monsun Timur Laut itu menyebabkan sembilan daripada 10 daerah di Johor dilanda banjir; manakala dua daerah di Pahang, iaitu Rompin dan Temerloh turut terjejas.

Sehingga jam 1 tengah hari semalam, 9,435 orang daripada 2,258 keluarga dipindahkan di Johor; dengan daerah terjejas ialah Muar, Mersing, Kota Tinggi, Kuala, Segamat, Pontian, Batu Pahat, Johor Bahru dan Kulai.

Di Pahang pula, hujan berterusan sejak kelmarin, menyebabkan mangsa banjir di Rompin meningkat tengah hari semalam, kepada 1,035 orang daripada 271 keluarga, berbanding 1,003 orang daripada 256 keluarga pagi semalam, manakala 19 orang di Temerloh dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Sementara itu, hujan lebat sehingga esok diramal melanda Kemuning, Tumbunan, Rantau, Kota Belud, Sandakan dan Kudat di Sabah.

Kriteria cuaca waspada atau jingga ialah hujan lebat berterusan (lebih enam jam) dijangka berlaku dalam tempoh satu hingga tiga hari atau hujan berterusan sedang berlaku tetapi belum mencapai tahap hujan lebat berterusan.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam, dengan ombak mencapai 3.5 meter dijangka boleh berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dalam tempoh itu.

Kejadian itu boleh mendatangkan risiko limpahan air laut di pesisir pantai dan muara sungai di kawasan terjejas. BERNAMA

Fakta Nombor

9,435

Mangsa

banjir dipindahkan di Johor

DISEDIAKAN OLEH	1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	--